

14/07/2000

Maha 2000 dijangka lebih meriah

KUALA LUMPUR, Khamis - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agrotourism Malaysia (Maha 2000) yang akan diadakan dari 22 hingga 30 Julai di Stadium Putra, Kompleks Sukan Kebangsaan Bukit Jalil dijangka lebih meriah.

Maha 2000 menerima sumbangan kira-kira RM300,000 daripada tujuh penaja utama di Hotel KL Hilton, di sini, hari ini.

Pengerusi Maha 2000, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Datuk Annuar Maaruf menerima sumbangan daripada Lembaga Totalisator Malaysia sebanyak RM101,903, CMB Agrochemicals Sdn Bhd (RM50,000), Bank Pertanian Malaysia (RM50,000), Hill's Science Plan Sdn Bhd (RM50,000), Alpo Dog Food (RM35,000) dan Rolf Chagan (Sea) Sdn Bhd (RM15,000).

Hotel rasmi acara itu, Pearl International Hotel menyumbang RM8,388.

Acara tahunan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan ke-25 itu bertujuan menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pembangunan dan industri berasaskan pertanian di samping pameran teknologi dan inovasi terkini.

Sebanyak 300 gerai dari pelbagai sektor pertanian di dalam dan luar stadium merangkumi 17,613 meter persegi bagi mempamerkan teknologi, peralatan, hasil penyelidikan bioteknologi, benih, buah-buahan, herba, sayur-sayuran dan pokok selain binatang ternakan, kuda, burung dan binatang peliharaan.

Acara bertema 'Ke Arah Industri Pertanian yang Berdaya Saing' yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu berjaya menarik penyertaan jabatan kerajaan, agensi penyelidikan, kerajaan negeri, badan korporat, persatuan dan individu serta sektor swasta.

(END)